

## Pendekatan Komunikasi Keibubapaan dalam Keluarga Ibu Mithali

Jamiah Manap<sup>1</sup>, Sidek Baba<sup>2</sup>, Nik Suryani Nik Ab. Rahman<sup>2</sup> dan Haniza Rais<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

### ABSTRAK

Komunikasi berkesan membentuk keluarga yang cemerlang dan berfungsi. Justeru, komunikasi keibubapaan dalam keluarga Ibu Mithali dikaji menggunakan pendekatan *Grounded Theory*. Data dikumpulkan melalui siri temuramah bersama penerima anugerah Ibu Mithali di peringkat kebangsaan serta anak-anak mereka. Data juga didapati melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Kajian mendapati, Ibu Mithali menggunakan komunikasi verbal dan non-verbal untuk mencapai matlamat pendidikan keibubapaan dan membina kesejahteraan keluarga. Mesej disampaikan bersesuaian dengan matlamat komunikasi yang ingin dicapai. Komunikasi verbal digunakan dalam memberi arahan, bimbingan dan membentuk perapatan. Komunikasi non-verbal pula digunakan dalam kerja berpasukan, menunjukkan kasih sayang dan memenuhi keperluan anak-anak mereka. Pendekatan komunikasi Ibu Mithali ini boleh diaplikasikan oleh ibu bapa lain dalam membangunkan potensi anak-anak secara optimum.

**Kata kunci:** Komunikasi keluarga, kemahiran keibubapaan, keibuan dan pendidikan keibubapaan.

### 1.0 PENDAHULUAN

Komunikasi berkesan adalah asas kepada kecemerlangan dalam kehidupan berkeluarga. Keluarga yang cemerlang mempunyai kriteria tersendiri. Kriteria ini perlu dikenalpasti dan dijadikan kayu-ukur (*benchmark*) dalam usaha memperkasakan institusi kekeluargaan. Sehubungan itu, kajian dijalankan untuk mengenalpasti pendekatan komunikasi yang digunakan oleh keluarga pemenang anugerah anugerah Ibu Mithali di peringkat kebangsaan terhadap anak-anak mereka. Oleh itu, kaedah penyelidikan kualitatif *Grounded Theory* digunakan untuk menjawab persoalan utama kajian: Apakah pendekatan komunikasi yang digunakan oleh keluarga Ibu Mithali terhadap anak-anak mereka?

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

### 2.1 Komunikasi dan Teori Matlamat-Rancangan-Tindakan

Komunikasi adalah proses pertukaran maklumat (Mc Leod & Chaffe, 1973 dalam Zhiwen et al., 2011). Komunikasi berasal daripada perkataan *communication* yang bermaksud perkongsian atau penyebaran (Hinde, 1972). Menurut Teori Matlamat-Perancangan-Tindakan, manusia berkomunikasi untuk mencapai matlamat. Oleh itu, mereka perlu menyesuaikan mesej untuk mencapai matlamat tersebut. Proses ini menentukan jenis bahasa yang paling efektif. Teori ini juga menjelaskan, mesej menjadi sangat efektif apabila ianya benar-benar sesuai dengan matlamat pengucap (Hess & Coffelt, 2012).

### 2.2 Kepentingan Komunikasi dalam Keluarga

Komunikasi keluarga adalah penting bagi membentuk penyesuaian psiko-sosial remaja dan dewasa awal terutamanya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Komunikasi terbuka dalam keluarga menyumbang kepada tahap risiko tingkah-laku remaja yang rendah dan tahap penyesuaian psiko-sosial yang tinggi (Zhiwen et al., 2011). Psikososial remaja merangkumi daya penyesuaian remaja terhadap risiko, daya tahan, kepuasan dan pencapaian. Ini bermakna mereka mempunyai tahap kepuasan kesihatan, estim sendiri, penyelesaian masalah dan prestasi akademik yang tinggi, berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran keluarga, keselamatan dan kesihatan kediaman, risiko individu, ancaman kepada matlamat, pengaruh rakan sebaya dan keganasan (Starfield et al., 1993 dalam Zhiwen et al., 2011).

Komunikasi antara ibu dan anak adalah penting untuk mencegah kanser. Satu daripada lapan wanita dilaporkan menghidap barah payu dara di Amerika. Wanita yang mempunyai sejarah keluarga dengan kanser didapati mempunyai dua kali ganda mendapat kanser. Kajian terhadap 1773 wanita dari 355 keluarga di Minnesota mendapati 55% wanita menasihati anak mereka untuk mencegah kanser dengan menjalani mammogram, memeriksa sendiri payu dara, menjalani pemeriksaan payudara secara klinikal dan menjalani gaya hidup sihat. Dengan itu, pencegahan kanser dapat dilakukan di peringkat keluarga (Sinicrope et al., 2008). Komunikasi antara ibu dan anak saling mempengaruhi antara satu sama lain. Kajian di Australia mendapati, komunikasi antara anak perempuan terhadap ibunya mempengaruhi ibu untuk mengambil ujian untuk mengesan penyakit kanser payu dara di peringkat awal (mammogram) (Browne, 2012).

Komunikasi ibubapa dan anak bersifat kompleks dan sensitif kepada masa. Komunikasi ibu bapa dan anak terhadap isu-isu kesihatan seperti pengambilan rokok dan penyalahgunaan dadah perlu dibuat sebelum mereka mencapai usia remaja lagi supaya langkah pencegahan dapat diambil. Ini kerana, komunikasi menjadi kurang berkesan apabila mereka sudah terlibat dengan tingkah-laku yang berisiko. Ini selaras dengan kajian di Belanda yang mendapati komunikasi ibu bapa tidak menjadi faktor yang efektif bagi mengurangkan tabiat merokok dalam kalangan remaja yang berusia di antara 13-16 tahun (Harakeh et al., 2009).

Salahlaku seksual dalam kalangan belia menunjukkan keperluan kepada mesej pencegahan gejala ini sebelum seseorang itu mencapai usia remaja iaitu antara 9 hingga 12 tahun. Antara topik yang perlu dibincangkan adalah janjitemu, akil baligh, haid, pengetahuan seks, pantang-larang, kesuburan, kondom dan HIV/AIDS. Kajian terhadap 135 keluarga Afrika Amerika mendapati, ibu lebih banyak berkomunikasi tentang pendidikan seksualiti berbanding bapa terutamanya kepada anak perempuan (Wyckoff, 2008).

Komunikasi juga penting dalam penyelesaian konflik keluarga dan di tempat kerja. Di Britain, pengurusan konflik dalam organisasi kesihatan melibatkan kos berjumlah £ 72.5 juta setahun. Daripada jumlah itu, £ 10 juta berpunca daripada pencerobohan verbal (*verbal aggression*) yang mencalarakan emosi dan psikologi serta menjejaskan keupayaan untuk berfungsi di tempat kerja (McLaughlin et al., 2013).

### **2.3 Bentuk Komunikasi dalam Keluarga**

Secara umumnya, terdapat dua bentuk komunikasi dalam keluarga iaitu komunikasi verbal dan bukan verbal. Komunikasi verbal didefinisikan sebagai proses komunikasi yang melibatkan percakapan untuk menyampaikan mesej kepada penerima. Komunikasi verbal membolehkan manusia menggambarkan idea dengan jelas dan menerangkan aktiviti bagi membentuk makna yang dapat dikaitkan dengan sesuatu keadaan (Hess & Coffelt, 2012).

Komunikasi non-verbal pula didefinisikan sebagai semua jenis interaksi manusia kecuali penggunaan perkataan (Hinde, 1972). Pertukaran informasi melalui isyarat dan ekspresi non-verbal adalah sangat penting dalam perhubungan sosial manusia (Hinde, 1972). Isyarat komunikasi bukan lisan adalah bentuk isyarat komunikasi yang paling berkuasa (Parr, 2008). Bagaimanapun, isyarat ini selalu disalahertikan atau digunakan membentuk maklumbalas kepada metakomunikasi tanpa pengucapan yang lain (Watzlawick et al., 1974). Komunikasi non-verbal dipengaruhi oleh budaya masyarakat setempat (Albardiaz, 2011). Antara

komponen komunikasi non-verbal adalah bahasa badan, nada suara, kelajuan dan tekanan suara (Albadiaz, 2011). Pengucapan yang laju menunjukkan wujudnya kebimbangan (*anxiety*).

Kedua-dua bentuk komunikasi ini diperlukan untuk menyempurnakan tugas tertentu yang melibatkan kerja berkumpulan. Komunikasi lisan dan bukan lisan memainkan peranan penting dalam situasi kritikal. Sebagai contohnya, semasa pembedahan berlangsung, arahan dalam bentuk lisan diberikan secara spesifik. Arahan yang kurang jelas boleh disokong dengan sentuhan atau perubahan posisi badan (Moore et al., 2010).

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif *Grounded Theory* untuk menjawab persoalan utama kajian iaitu: Bagaimana Ibu Mithali berkomunikasi dengan anak-anak mereka? Peserta kajian terdiri daripada Ibu Mithali dan anak-anak mereka. Ibu Mithali merupakan pemenang anugerah Ibu Mithali oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia di peringkat kebangsaan. Mereka dipilih sebagai Ibu Mithali berdasarkan kriteria berikut (YADIM, 2013):

1. Bertaqwa, mempunyai personaliti yang terpuji dan menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada orang lain.
2. Mengamalkan cara hidup Islam.
3. Mendidik anak-anak dengan cemerlang.
4. Memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.
5. Berusia 50 tahun ke atas.
6. Mempunyai sekurang-kurangnya lima orang anak.
7. Mendidik anak-anak dengan berorientasikan agama dan ini dibuktikan dengan penglibatan anak-anak terhadap masyarakat.

Pengumpulan data dibuat melalui temuramah, pemerhatian dan analisis dokumen. Temuramah dibuat ke atas semua Ibu Mithali yang masih hidup dan sihat serta anak-anak Ibu Mithali yang dapat dihubungi. Ibu Mithali tersebut adalah:

1. Hajjah Wan Mas Wan Ibrahim (Ibu Mithali ke-2)
2. Hajjah Kamariah Alang Mat Nasid (Ibu Mithali ke-7)
3. Hajjah Esah Din (Ibu Mithali ke-9)
4. Hajjah Awiah Ali (Ibu Mithali ke-10)

Anak-anak Ibu Mithali yang ditemuramah pula terdiri daripada anak-anak kepada penerima anugerah Ibu Mithali yang cemerlang dalam bidang kerjaya masing-masing serta mempunyai sahsiah yang baik. Sehubungan itu, lokasi kajian adalah di rumah Ibu Mithali serta di rumah dan di pejabat anak-anak Ibu Mithali iaitu di Johor Bharu, Muar, Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Bangi, Kuala Ketil and Kota Bharu. Kajian ini juga menggunakan nama sebenar peserta kerana dapatan kajian tidak menjejaskan reputasi mereka.

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Justeru, fokus utama analisis adalah mengenalpasti tema dan paten komunikasi yang diamalkan oleh Ibu Mithali dalam mendidik anak-anak mereka. Proses pengkodan data dalam analisis tematik bermula dengan pengkodan terbuka. Pengkodan terbuka dimulakan dengan membaca transkrip temuramah sebanyak tiga kali untuk memahami isi kandungan data secara komprehensif dan mengenalpasti paten komunikasi. Data kemudiannya dianalisis dari baris ke baris untuk mengenalpasti dan mengkodkan data yang sesuai dengan persoalan kajian. Setiap kod adalah kategori-kategori kecil yang berkaitan dengan paten komunikasi Ibu Mithali. Proses pengkodan terbuka ini dibuat kepada semua transkrip temuramah dan sejumlah 50 kod telah diperolehi pada peringkat ini. Kod-kod ini kemudiannya dibandingkan antara satu sama lain. Kod yang mempunyai makna yang sama disatukan untuk mendapatkan kod-kod yang benar-benar eksklusif sahaja. Kod-kod tersebut kemudiannya dihubungkan antara satu sama lain untuk membentuk enam kategori utama dalam proses pengkodan paksi atau *axial coding*.

Pengkodan paksi diikuti dengan pengkodan terpilih. Kod atau tema-tema utama dikenalpasti dan dihubungkan dengan tema utama yang lain serta digabungkan dengan teori terdahulu untuk membentuk plot cerita sehingga teori mencapai tahap tepu. Ketepuan tercapai apabila proses pengkodan berjaya menegukuhkan dan melengkapkan teori sedia ada (Ezzy, 2002). Dalam kajian ini, tema-tema utama digabungkan dengan tema-tema dalam teori sedia ada untuk membentuk model komunikasi keibubapaan Ibu Mithali.

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Ibu Mithali menggunakan berbagai bentuk strategi komunikasi dalam mendidik anak-anak mereka. Ianya digunakan mengikut situasi atau kesesuaian dengan persekitaran serta personaliti anak-anak. Paten komunikasi tersebut boleh dilihat daripada perspektif komunikasi lisan (*verbal communication*) dan komunikasi bukan lisan (*non-verbal communication*). Mesej dalam komunikasi lisan digunakan

menggunakan kaedah memberi arahan, memberi bimbingan, membentuk perapatan, menunjukkan kasih sayang dan memenuhi keperluan hidup.

#### 4.1 Arahan

Ibu Mithali memberi arahan yang jelas untuk memastikan anak-anak menunaikan tanggungjawab dan tugas mereka. Mereka menyuruh anak-anak mereka menunaikan solat, membaca al-Quran, menghadiri sesi persekolahan dan melaksanakan amal soleh.

*Bila azaan dia suruh yang lelaki pi masjid...*  
(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*Kalau time sembahyang... Kalau tengok lambat, orang dah azaan, memang Makcik tak senang. Terus ketuk pintu. Cakap terus-terang...*  
(Hajjah Awiah, Ibu Mithali ke-10).

*Kalau malam mak saya suruh pergi mengaji...*  
(Puan Rosilah, Guru, anak Ibu Mithali ke-9).

#### 4.2 Bimbingan

Ibu Mithali menjadi mentor kepada anak-anak mereka menggunakan kaedah komunikasi lisan secara berterusan. Mereka membentuk sahsiah dan keperibadian anak-anak mereka melalui nasihat, falsafah hidup, penceritaan, perbincangan ilmiah, penaakulan (*reasoning*), motivasi, pujukan dan mengajar secara langsung.

*Dia selalu ceritalah kalau berkawan tu... Kita kenal diorang betul-betul hati budi lepas tu kita jagalah persahabatan dah sesuai tu barulah kawan lama...*  
(Puan Azizah, Mantan Guru Besar, anak Ibu Mithali ke-6).

*Bila kami bergaduh dengan rakan-rakan kami, seringkali kami yang mendapat teguran daripada belian.*  
(Dr. Ahmad, Doktor Gigi, anak Hajjah Ayot).

*Beliau (Hajjah Esah) selalu berpesan kepada anak-anak untuk bekerja dengan baik dan jangan bergaduh.*  
(Noor Aziah, 2011b).

Hajah Wan Mas menggunakan falsafah sebagai medium komunikasi untuk mendidik keperibadian anak-anaknya. Beliau memberi kebebasan kepada mereka untuk melakukan sebarang aktiviti di universiti. Bagaimanapun, terdapat batasan yang jelas dalam kebebasan tersebut iaitu menjaga nama baik keluarga. Ianya antara falsafah yang diterapkan ke dalam jiwa anak-anak sebagai pegangan dan panduan kepada anak-anak dalam menjalani kehidupan. Hasilnya, mereka menjadi individu yang bertanggungjawab, aktif dan sentiasa memelihara tingkahlaku mereka agar tidak mencemarkan nama baik keluarga. Falsafah yang terpuji melahirkan generasi yang bijaksana dalam setiap fikir, bicara dan tingkah.

*...ada garis larangan seperti, "Jangan beri malu keluarga", "Jangan tinggalkan solah" dan "Hormat pada orang tua". Pesanan-pesanan keramat ini tidak dilupakan oleh anak-anak mereka.*

(Nik Safiah & Rokiah, 2004).

Hajjah Maimon dan Hajjah Ayot menggunakan kaedah bercerita dan berpuisi dalam mendidik anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni. Anak-anak beliau berasa seronok mendengar kisah para nabi dan sahabat nabi mengambil ibrah (pengajaran) daripada kisah tersebut. Bercerita adalah satu kaedah untuk mengajar kanak-kanak kepada tingkahlaku pro-sosial (Gonzalez-Mena, 2006).

*Dia selalu cerita pasal nabi, sahabat...*

(Dr. Aminah, Doktor, anak Ibu Mithali ke-6).

*Kadang-kadang dia tunjukkan contoh-contoh macam kisah sahabat...*

(Puan Azizah, Mantan Guru Besar, anak Ibu Mithali ke-6).

*Melalui nasihat, cerita, berita, pantun dan sebagainya. Beliau selalu memberi contoh-contoh nilai-nilai yang baik. Beliau juga bercerita, cerita traditional seperti, Pak Kadok, Pak Pandir, Si Tenggang, Siti Zubaidah dan lain-lain cerita orang-orang tua dabulu. Nilai-nilai tak baik seperti derbaka, malas, sombong beliau selalu tekankan apa yang terjadi kepada individu ini.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Pastikan apa yang ada dalam pinggan habis supaya tidak membazir. Beliau selalu menyebut berapa susah untuk mendapat beras waktu pemerintahan Jepun.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

Ibu Mithali juga mengajar anak-anak mereka secara langsung terutamanya untuk menguasai bacaan al-Quran.

*Mengaji memang Makcik ajar. Takde sorang pun yang Makcik hantar kelas.*  
(Hajjah Awiah, Ibu Mithali ke-10).

*Beliau (Allahyarham Puan Enjah, Ibu Mithali pertama) sendiri mengajarkan anaknya membaca al-Qur'an.*  
(Nik Safiah, 2011b).

*Beliau (Hajjah Alang Kamariah, Ibu Mithali ke-7) sendiri mengajar anak-anaknya mengaji al-Qur'an selepas sembahyang Maghrib.*  
(Rahmah, 2011).

Hajjah Ayot dan Hajjah Wan Mas akan menerangkan alasan atau sebab bagi setiap tindakan yang diambil. Oleh itu, anak-anak mereka dapat memahami tingkah-laku yang buruk dan tidak memberontak. Penaakulan membolehkan ibu bapa mengajar anak-anak mereka menyelesaikan masalah dengan menggunakan kemahiran komunikasi verbal. Ini akan mencegah mereka daripada bertindak agresif dan membahayakan orang lain apabila mereka memasuki tahap umur remaja dan dewasa (Gonzalez-Mena, 2006). Penaakulan juga diperlukan untuk menjauhi persaingan kuasa dan kecederaan emosi (Hieneman et al., 2006). Penaakulan yang jelas juga membolehkan anak-anak memahami tingkah laku mereka sendiri dan memperbaikinya pada masa hadapan.

*Jika beliau tidak bersetuju dengan apa yang kami lakukan beliau akan menegurkan kami dan memberi pendapat atau sebab-sebab beliau.*  
(Dr. Ahmad, Doktor Gigi, anak Hajjah Ayot).

*...nanti dia cerita balik why you can't do that...*  
(Puan Nik Mastura, Mantan Pegawai Pendidikan, anak Ibu Mithali ke-2).

#### **4.3 Perapatan**

Ibu Mithali menggunakan komunikasi untuk membina perapatan hubungan yang kuat dengan anak-anak mereka melalui ingatan berterusan dan komunikasi verbal yang kerap. Ibu Mithali sentiasa mengingatkan anak-anaknya agar selalu menziarahinya walau di mana saja mereka berada. Tindakan ini membina ikatan psikologi yang kuat di antara ibu dan anak. Kesannya, anak-anak beliau kerap pulang menziarahi ibu bapa mereka walaupun bekerja di luar negara.

Ibu Mithali juga memanfaatkan teknologi untuk merapatkan hubungan dengan anak-anak mereka.



*Dan saya kalau tak balik ke rumah... Memang saya rasa tidak senang... Pada saya bila saya baca Qur'an ni saya tak ingat... Saya ingat ni mesti ada masalah mak dok ingat kat saya... Rupanya bila saya balik memang betul... "Kau ni lama tak balik... ko pergi mana?"*  
(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*Raya sudah ni tak balik... Dia kata sampai tiga tahun... Saya kata... Hapa tiga tahun baru balik... Kita mati pun tak tengoklah... Tak boleh balik... Lepas tu dia mintak cuti sebulan... Balik... Balik sini... Raya sini... Puasa sini...*  
(Hajjah Esah, Ibu Mithali ke-9).

*Ambil tabu... Kadang-kadang kita nasibat juga. Malam karang satu. Mesej aje. Jawab juga mesej walaupun pukul 2, pukul 3.*  
(Hajjah Awiah, Ibu Mithali ke-10).

#### 4.4 Kerja Berpasukan

Ibu Mithali juga selalu mengadakan perjumpaan keluarga untuk menghimpunkan anak-anak dan cucu mereka. Aktiviti ini bukan sahaja merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak, malah juga di antara sesama ahli dalam keluarga besar mereka.

*Anak-anak Wan Mas sering berkumpul, terutama di hujung minggu. Kadangkala mereka makan di luar tetapi lebih kerap makan di rumah kerana menantu-menantu Wan Mas semuanya pandai memasak. Atau mereka sepakat mengerjakan umrah beramai-ramai.*  
(Nik Safiah, 2011a).

*Pada setiap hujung minggu, rumah mereka (Puan Kalsum dan Haji Ismail) pasti riuh-rendah oleh anak-anak dan cucu-cucunya. Sibuklah mereka sama-sama memasak dan di kalangan lelaki, rancak berbincang tentang pelbagai hal, sementara cucu-cucu riuh bermain di sekitar rumah.*  
(Noor Aziah, 2011a).

*Mereka berkumpul... (Mereka) sembahyang berjemaah, selepas itu menikmati hidangan beramai-ramai. Suasana sebelum Hari Raya seperti kenduri kecil, dan biasanya mereka menyembelih seekor lembu. Mereka memasak makanan bersama-sama dan menjemput jiran tetangga terbuka di rumah mereka.*  
(Noor Aziah, 2011b).

Ibu Mithali juga membina hubungan yang rapat dengan anak-anak mereka dengan berjalan-jalan, mengembara atau melancong bersama-sama. Strategi ini bukan sahaja membina perapatan malah memberikan pengalaman pembelajaran yang baru kepada anak-anak mereka.

*Kalau dia pergi dia mesti bawak adik beradik...*

(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*I'm very close with her... Sebab I selalu ikut dia mana pergi kan... So ikut la dia ke mana pun... Pergi rumah saudara ke pergi kursus ke pergi mana pun I akan ikut.*

(Puan Nik Mastura, Mantan Pegawai Pendidikan, anak Ibu Mithali ke-2).

*Pada masa kecil kami akan ke mana-mana bersama, beliau jarang pergi ke mana-mana tanpa ditemani oleh anak-anak.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Kemampuannya yang terbatas tetapi berkat doa seorang ibu yang berterusan.*

(En. Khairul, Pegawai Kerajaan, anak Ibu Mithali ke -7).

#### 4.5 Kasih Sayang

Cinta dan kasih-sayang adalah kunci kepada pendidikan anak (Sidek, 2010). Ianya merupakan fitrah ibu bapa terhadap anak (Abdullah, 2010). Fitrah ini penting untuk pembangunan positif anak (Abdullah, 2010). Anak memerlukan cinta, penjagaan, perhatian dan kasih-sayang yang mencukupi daripada orang dewasa. Tanpa perhatian dan kasih-sayang di rumah, anak akan mencari perhatian di tempat lain. Dalam hal ini, Ibu Mithali berusaha menumpahkan cinta mereka kepada anak-anak mereka dalam pelbagai cara iaitu melalui sentuhan, penjagaan kesihatan.

*Kasih-sayang ibu dengan anak-anak memang semulajadi. Makcik dengan anak-anak walau besar-besarpun bercium. Memang sayang.*

(Hajjah Awiah, Ibu Mithali ke-10).

*Jika kami sakit dan demam beliau sentiasa mengambil berat dan sentiasa berada di samping kami.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Walau pun anak-anak sudah dewasa dan berkeluarga beliau sentiasa mementingkan dan memberi tumpuan kebajikan kepada mereka. Contohnya beliau memastikan anak dan menantu yang baru melahirkan dijaga dan dipelihara dengan baik dalam masa pantang. Ini beliau lakukan sebilangal diluar kemampuan beliau.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*...memasak makanan kegemaran kami.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Dia masak, dia tengok kita suka makan apa kan... Walaupun dia cikgu kan and ada maid tapi dia masak.*

(Puan Nik Mastura, Mantan Pegawai Pendidikan, anak Ibu Mithali ke-2).

*Hajjah Esab suka memasak dan hingga kini, apabila anak menantu serta cucu-cucu balik, beliau akan memasak masakan kegemaran mereka.*

(Noor Aziah, 2011b).

*Masak sendiri semua benda dia buat sendiri la, ibarat kita makan air tangan maklah.*

(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*Pada awal bulan selalunya sebelah malam dapatlah kami duduk bersama minum Milo dan makan kacang, kuaci dan lain-lain makanan kegemaran anak-anak yang dapat beliau dan bapa kami beli.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*...kalau ayah saya rotan dia nangis dia tolong luka dia ubatkan...*

(Puan Rosilah, Guru, anak Ibu Mithali ke-8).

*Kalau anak-anak nak periksa tu baik yang dah kahwin yang belum kahwin ke mesti nak periksa je telefon mak minta tolong doakan... Tapi mak sentiasa doakan...*

(Dr. Aminah, Doktor Perubatan, anak Ibu Mithali ke-6).

## 4.6 Keperluan Hidup

Ibu Mithali sentiasa berusaha memenuhi keperluan hidup anak-anak mereka dengan sebaik mungkin walaupun terpaksa menggadaikan harta dan nyawa mereka. Mereka sentiasa komited untuk memenuhi keperluan asas anak-anak seperti makanan, pakaian dan kediaman, walaupun mempunyai sumber kewangan yang terhad. Begitu juga dengan peluang pendidikan yang tidak terhad serta simpanan harta bagi kegunaan masa depan mereka.

*Terpenting sekali anak-anak diberi pelajaran yang termampu dipikul oleh masing-masing.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Bergolak-bergadai... Berkorban apa saja... Hantar ke sekolah yang terbaik...*

(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*Semua anak-anak dibadiahkan dengan tanah yang agak sama luasnya.*

(Dr. Ahmad, Pakar Pergigian, anak Ibu Mithali ke-5).

*Saya nak duduk rumah... Tempat yang tenang... Suasana tu sebabkan saya tak nak tinggalkan rumah. Rumah tu membahagiakan...*

(Ustaz Ashraf, Pensyarah, anak Ibu Mithali ke-8).

*Ikan memang ada selalu... Ayam dengan daging kadang-kadang makanan memang cukup... Buah-buahan...*

(Puan Nik Mastura, Mantan Pegawai Pendidikan, anak Ibu Mithali ke-2).

*Makcik sentiasa buat simpanan untuk anak-anak... Apapun terjadi tak usik.*

(Hajjah Awiah, Ibu Mithali ke-10).

## 5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, komunikasi dalam keluarga Ibu Mithali dengan anak-anak mereka adalah positif sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Pendekatan komunikasi mereka juga bersesuaian dengan Teori Matlamat-Rancangan-Tindakan yang menjadikan komunikasi sebagai medium untuk mencapai matlamat keluarga iaitu membina pribadi cemerlang dan mengukuhkan kesejahteraan keluarga.

Pelbagai strategi atau pelan komunikasi digunakan oleh Ibu Mithali untuk mencapai matlamat tersebut. Arahan yang jelas digunakan untuk memastikan anak-anak melakukan aktiviti-aktiviti yang dianggap penting sehingga pada akhirnya ia menjadi tabiat dalam kehidupan seharian. Bimbingan diberikan dengan pelbagai pendekatan yang kreatif seperti falsafah, puisi dan bercerita untuk membentuk nilai hidup yang bersesuaian dengan agama dan masyarakat. Justeru, ia berfungsi mencegah perilaku yang tidak bermoral dan tingkah laku yang berisiko dari awal. Perapatan dibentuk melalui kekerapan aktiviti berkumpul yang bersesuaian dengan masa dan tahap umur ahli keluarga. Keperluan hidup anak-anak pula dipenuhi dengan menyediakan keperluan fizikal yang terbaik mengikut kemampuan mereka dan peluang pendidikan yang tidak terhad. Kesemua pelan komunikasi ini menggalakkan iklim komunikasi terbuka dalam keluarga yang menyumbang kepada tahap penyesuaian psiko-sosial yang tinggi serta penyerlahan potensi anak-anak Ibu Mithali secara bersepadu.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. (2010). *Tarbiatul aulad fil Islam (Nurturing children in Islam)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Albardiaz, R. (2011). Teaching non-verbal communication skills. *Education for Primary Care*, 22(6), 423-424.
- Browne, Jessica L., & Chan, Amy Y. C. (2012). Mother–daughter communication about mammography in Australian sample. *Journal of Family Communication*, 12(2), 129-150. DOI: 10.1080/15267431.2011.561144.
- Ezzy, D. (2002). *Qualitative analysis: Practice and innovation*. London: Routledge.
- Gonzales-Mena, J. (2006). *The young child in the family and community*. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Harakeh, Z., Engels, R., Blokland, E. DE., Scholte, R., & Vermulst, A. (2009). Parental communication appears not to be an effective strategy to reduce smoking in a sample of Dutch adolescents. *Psychology & Health*, 24(7), 823-841. DOI: 10.1080/08870440802074649.
- Hess, J. A., & Coffelt, T. A. (2012). Verbal Communication about Sex in Marriage: Patterns of Language Use and Its Connection with Relational Outcomes. *Journal of Sex Research*, 49(6), 603-612. 1. DOI: 10.1080/00224499.2011.619282.
- Hinde R. A., (1975). Non-verbal communication. London; Cambridge University Press. improving team communication. *Mental Health Practice*, 16(5), 29-31.

- Moore, A., Butt, D., Ellis-Clarke, I., & Cartmill, J. (2010). Linguistic analysis of verbal and non-verbal communication in the operating room, *ANZ Journal of Surgery*, 80(12), 925-929. DOI: 10.1111/j.1445-2197.2010.05531.x.
- Nik Safiah Nik Abdul Karim & Rokiah Talib. (2004). *Ibu Mithālī: Hajjah Wan Mas binti Wan Ibrahim (Exemplary mother: Hajjah Wan Mas binti Wan Ibrahim)*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Nik Safiah Nik Abdul Karim. (2011a). Sejarah penganugerahan Ibu Mithālī in *Siri dokumentasi MPWIM: Ibu Mithālī (MPWIM documentation series: Exemplary mother)*. Edited by Nik Safiah Nik Abdul Karim & Noor Aziah Mohd Awal. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Nik Safiah Nik Abdul Karim. (2011b). Ibu Mithālī Pertama: Ibu Enjah binti Mohd. Arif (1903-1996) (The first exemplary mother: Mother Enjah binti Mohd Arif (1903-1996)) in *Siri dokumentasi MPWIM: Ibu Mithālī (MPWIM documentation series: Exemplary mother)*. Edited by Nik Safiah Nik Abdul Karim & Noor Aziah Mohd Awal. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Noor Aziah Mohd. Awal. (2011b). Ibu Mithālī ke-9: Hajjah Esah binti Din (1937-) (The 9<sup>th</sup> exemplary mother: Hajjah Esah binti Din (1937-)) in *Siri dokumentasi MPWIM: Ibu Mithālī (MPWIM documentation series: Exemplary mother)*. Edited by Nik Safiah Nik Abdul Karim & Noor Aziah Mohd Awal. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Noor Aziah Mohd. Awal. (2011a). Ibu Mithālī ke-8: Hajjah Kalsom binti Abdullah (1939-) (The 8<sup>th</sup> exemplary mother: Hajjah Kalsom binti Abdullah (1939-)) in *Siri dokumentasi MPWIM: Ibu Mithālī (MPWIM documentation series: Exemplary mother)*. Edited by Nik Safiah Nik Abdul Karim & Noor Aziah Mohd Awal. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Parr, P., Boyle, R. A., & Tejada, L. (2008). I said, you said: A communication exercises for couples. *Contemporary Family Therapy: An International Journal*, 30 (3), 167-173. DOI: 10.1007/s10591-008-9062-6.
- Rahmah S. Ahmad. (2011). Ibu Mithālī ke-7: Hajjah Kamariah Alang binti Alang Mat Nasid (1928-) (The seventh exemplary mother: Hajjah Kamariah Alang binti Alang Mat Nasid (1928-)) in *Siri dokumentasi MPWIM: Ibu Mithālī (MPWIM documentation series: Exemplary mother)*. Edited by Nik Safiah Nik Abdul Karim & Noor Aziah Mohd Awal. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Robert, A., Petersen, L. R., Rock, E., Clark, L. P., Vachon, C. M., Fredericksen, Z. S., Sellers, T. A., & Cerhan, J. R. Factors associated with breast cancer prevention communication between mothers and daughters. *Journal of Women's Health*, 17(6), 1017-1023. DOI: 10.1089/jwh.2007.0497.

- Watzlawick, P., Weakland, J. H., & Fisch, R. (1974). *Change: Principles of problem formation and problem resolution*, New York: Norton.
- Wyckoff, S., Miller, K. R., Bau, J., Fasula, A., Long, N., & Armistead, L. (2008). Patterns of Sexuality Communication Between Preadolescents and Their Mothers and Fathers. *Journal of Child & Family Studies*, 17(5), 49-662. DOI: 10.1007/s10826-007-9179-5.
- YADIM. (2013). *Ibu Mithālī (Exemplary mother)*. Retrieved April 15, 2013, from <http://www.yadim.com/my>.
- Zhiwen, X, Xiaoming L., & Stanton, B. (2011). Perceptions of parent–adolescent communication within families: It is a matter of perspective. *Psychology, Health & Medicine*, 16(1), 53-65. DOI: 10.1080/13548506.2010.521563.